

Najib rayu rakyat kekalkan 'cara kesederhanaan Johor' agar impian dirancang tidak hilang

Malaysian Insider

April 29, 2013

Oleh Mohd Farhan Darwis

PEKAN NENAS, 29 April — Datuk Seri Najib Razak merayu kepada masyarakat Johor supaya memilih Barisan Nasional (BN) sekali lagi di Johor dalam pilihan raya akan datang demi semangat "kesederhanaan Johor".

Najib, ketika lawatan kerja ke kawasan Parlimen Tanjung Piai di sini, berkata sikap kesederhanaan masyarakat Johor itu juga menjadi teras kemajuan Johor yang menjadi acuan kepada kemajuan Malaysia -akan hilang sekiranya BN tidak diberi mandat dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU 13).

"Cara Johor sentiasa bersederhana dan ia juga tempat lahir Umno ... dengan cara seperti ini, ia membawa kepada stabiliti politik dan keamanan," katanya kepada pemberita.

"Jadi saya merayu agar rakyat Johor, tolonglah, ambil kira banyak faktor kerana jika berlaku sebaliknya, rancangan dan impian yang kita rancang di Johor akan hilang," katanya di sini.

Najib turut menegaskan, pentadbiran Datuk Abdul Ghani Othman juga telah berjaya menyaksikan polisi kesederhanaan yang menjadi amalan pemimpin dan rakyat Johor menjadikan ianya pemerintahan dan pentadbiran yang harmoni dan mewujudkan kestabilan politik.

"Ketika pentadbiran Ghani, beliau mengguna pakai polisi yang sangat inklusif dengan membantu sekolah dan NGO Cina, mereka menerima banyak bantuan.

"Dengan cara itu, ia membawa keharmonian kepada Johor," kata Najib sebelum itu dalam ucapannya.

Sementara itu, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman juga turut menyuarakan pendapat sama apabila berkata dengan komuniti "moderate Johor" itu juga BN akan kekal berkuasa di kubu kuat mereka itu.

"Kita ada cara kesederhanaan Johor ... Orang Johor tak kira Melayu Cina India terus menyokong BN," kata Ghani berucap di hadapan penyokong BN yang memenuhi kawasan khemah gergasi dengan kapasiti 1,600 kerusi.

Beliau turut mengakui, walaupun telah mentadbir Johor sejak sekian lama, masih ada lagi perkara yang tidak sempurna.

"Selama saya menjadi menteri besar selama 18 tahun. Tak semuanya sempurna, selama tiga hingga empat kali pilihan raya kami cuba menjaga amanah rakyat Johor sebaiknya," katan Ghani dalam ucapannya.

"Selepas 5 Mei, tugas saya tamat sebagai menteri besar, jadi terimalah saya sebagai rakan lama," katanya yang juga menyebut perkataan itu menggunakan bahasa Cina.

Dalam majlis itu juga Najib turut mengumumkan 1,000 unit perumahan kos rendah dan

mampu milik di kawasan Parlimen Tanjung Piai.

Najib juga mengakui BN turut menghadapi masalah, namun menegaskan sebahagian besarnya telah dapat diselesaikan berbanding pakatan pembangkang yang menghadapi lebih banyak masalah dan keadaan itu lebih berkecamuk.

"Kalau kita ada masalah, pembangkang lagi banyak masalah. Saya nak kata (BN) tidak ada masalah, itu tidak betul. Tetapi saya nak letakkan dalam perspektif pembangkang lagi banyak masalah.

"Setidak-tidaknya kita tiada komponen parti lawan sama komponen parti, dia ada," katanya.

Beliau turut menjelaskan, momentum jentera kempen pilihan raya BN di seluruh negara dalam tempoh beberapa hari ini semakin meningkat berbanding pembangkang yang nampaknya saling bercanggah pendapat.

Tambahnya lagi keadaan itu dapat disaksikan apabila rakan-rakan sekutu dalam pembangkang saling bercanggah pendapat dalam soal pokok dan utama dan ia merupakan petanda pakatan pembangkang satu pakatan yang terlalu rapuh dan tidak berdaya maju.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-rayu-rakyat-kekalkan-cara-kesed-erhanaan-johor-agar-impian-dirancang-tidak-hilang/>